

# Membina industri terjemahan

Oleh NIZAM YATIM  
(WARTAWAN UTUSAN)

U.M 22/11/07 MIS 11



NOH Omar (dua dari kiri) melihat buku yang dipamerkan di Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11, sambil diperhatikan oleh Dr. Wan Hashim Wan Teh (kanan) dan Dr. Abdullah Hassan (dua dari kanan).

**Negara ini perlu belajar daripada Taiwan, bagaimana ia yang hanya berpenduduk kira-kira 20 juta orang dapat menghidupkan industri perbukuan khususnya yang melibatkan karya terjemahan**

**DENGAN** tajuk 'Usaha Membina Kepustakaan Melayu: Perspektif Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM),' kertas dasar pertama yang dibentangkan pada Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11 di Kuala Lumpur semalam, memupuk usaha meningkatkan bilangan buku dalam bahasa Malaysia melalui aktiviti penerbitan buku yang diterjemah.

Pengerusi ITNM, Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh yang membentangkan kertas itu menggaris lima cabaran yang perlu dihadapi bagi memastikan aktiviti penterjemahan di Malaysia dapat digerakkan dengan pantas.

Langkah segera menangani cabaran ini, kata beliau, amat perlu, memandangkan Malaysia agak perlahan dalam menghasilkan karya terjemahan berbanding negara maju seperti Jepun, Taiwan, Korea Selatan dan juga negara jiran, Indonesia.

Kepentingan menterjemah buku daripada bahasa lain, sama ada daripada bahasa negara Barat mahupun bahasa di Asia dianggap mendesak berikutan bilangan buku yang ditulis oleh penulis tempatan adalah tidak mencukupi, bukan sahaja dari segi jumlah, tetapi juga dari segi kepekatan.

Keadaan ini, ditambah lagi dengan sebuah kajian profil pembaca pada tahun 2005, yang mendapati rakyat Malaysia,

Kumpulan Utusan sebagai rakan media yang bermula semalam dihadiri 350 peserta dari 12 buah negara.

Sepanjang persidangan bertemakan 'Membina Kepustakaan Dalam Bahasa Melayu,' sebanyak dua kertas dasar dan 76 kertas kerja yang mencakupi 14 bidang dibentangkan.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan dalam kertas dasar kedua bertajuk 'Membina Kepustakaan Melayu Melalui Terjemahan' pula menyentuh mengenai industri penterjemahan di Taiwan yang boleh dijadikan sebagai contoh.

Pada masa ini pasaran buku negara itu bernilai RM3.8 bilion setahun dan pada tahun 2000 ia telah menerbitkan 38,000 tajuk buku baru. Yang sangat ketara dan memeranjatkan ialah 8,000 daripada tajuk itu datang daripada buku asing yang diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin.

Jumlah ini adalah sangat besar jika dibandingkan bilangan buku yang mampu diterjemahkan oleh ITNM sejak 1993, yang hanya sebanyak 153 tajuk. Apa yang diperhatikan, jelas beliau, sebilangan besar daripada 100 buku terlaris yang dijual di kedai-kedai buku besar di Taiwan, datang daripada karya terjemahan.

Menurut Abdullah, negara ini perlu belajar daripada Taiwan, bagaimana ia yang hanya berpenduduk kira-kira 20 juta orang dapat menghidupkan industri perbukuan khususnya yang melibatkan karya terjemahan.

Sebab utama kerana negara itu mempu

kebanyakannya berumur di bawah 40 tahun, semakin tidak banyak membaca, iaitu pada kadar dua buah buku setahun.

Kadar literasi di kalangan penduduk turut meningkat kepada 98 peratus dan faktor-faktor ini jelas menunjukkan lebih banyak buku diperlukan bagi menampung peningkatan celik huruf ini.

Ketika membentangkan kertas dasar itu, Wan Hashim menjelaskan cabaran pertama melibatkan usaha menghasilkan terjemahan berkualiti yang mempunyai gaya bahasa yang betul. Dalam masa sama, tegasnya, terjemahan itu mesti menepati cita rasa pembaca yang mempunyai latar belakang budaya dan pendidikan berbeza.

Beliau menyatakan cabaran kedua yang turut dihadapi semenjak 14 tahun penubuhan ITNM ialah memastikan buku yang sudah diterjemahkan dan diterbitkan dapat habis dijual di pasaran. Masalah ini wujud berikutan sikap rakyat negara ini khususnya pelajar yang gemar membuat salinan fotokopi buku asal walaupun tahu ia menyalahi Akta Hak Cipta.

ITNM juga, katanya, mahu belajar daripada pengalaman Dewan Bahasa dan Pusta-

ka (DBP) bagi memastikan ia tidak mengulangi masalah lambakan buku terjemahan di pasaran hingga menimbulkan masalah penyimpanan di gudang.

Cabaran ketiga, yang dihadapi oleh organisasi terjemahan buku ilmu seperti ITNM dan penerbit-penerbit universiti ialah masalah pembiayaan.

Sesetengah projek yang rumit memerlukan dana besar dan pelaburan yang tinggi dari segi kewangan, masa dan tenaga manusia. Namun begitu, Wan Hashim melahirkan kelegaan kerana buat pertama kali, untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), ITNM mendapat peruntukan khas daripada Kementerian Pelajaran bagi meningkatkan usaha penterjemahan ke bahasa Malaysia dan karya agung Melayu ke bahasa asing.

Ini tentu berita yang baik, namun usaha seperti ini, ujar beliau, sepatutnya bukan sahaja melibatkan sektor kerajaan tetapi



**ITNMB**

## PEMIKIR

seharusnya diperluaskan kepada pihak swasta.

Cabaran keempat yang turut menjejaskan usaha mempercepatkan kegiatan penterjemahan ialah kekurangan penterjemah bagi menterjemah buku-buku ilmu selain bahasa Inggeris dalam bidang khusus tertentu, ke dalam bahasa Malaysia.

Menurut Pengerusi ITNM itu, kepelbagaian terjemahan dalam bahasa selain bahasa Inggeris adalah penting kerana sumber ilmu juga datang daripada pelbagai bahasa lain di Eropah, Asia mahupun Afrika.

Cabaran terakhir, katanya, ialah sikap masyarakat yang kurang menghargai mereka yang terlibat dalam aktiviti terjemahan sehingga menyebabkan tidak ramai yang ingin melibatkan diri dalam kerjaya berkenaan.

Persidangan selama tiga hari anjuran ITNM dengan jurnal *Pemikir* terbitan Utusan Karya Sdn. Bhd., anak syarikat

Sebab utama, kerana negara itu mempunyai bilangan pembaca ramai yang masing-masing sanggup berbelanja lebih daripada RM450 setahun untuk membeli buku. Buku-buku terjemahan yang diterbitkan di negara itu juga tidak mahal dan kualitinya sangat baik. Ini terbukti, apabila buku setebal 200 halaman berkulit nipis hanya berharga sekitar RM18 hingga RM23 senaskhah.

Di samping itu, sambutan menggalakkan juga berpunca kerana syarikat penterjemah akan melakukan tinjauan pendapat orang ramai terlebih dahulu bagi memastikan hanya buku-buku yang digemari sahaja diterjemah.

Pengalaman Taiwan itu, ujar Abdullah, membuktikan bidang penterjemahan memang boleh menjana industri besar. Ia boleh dimantapkan lagi sekiranya ada langkah proaktif untuk membentuk badan khusus bagi menyelia industri ini iaitu Lembaga Perbukuan Negara.

Ini masa yang tepat, berikutan jualan buku dalam bahasa Malaysia makin meningkat dan laris seperti buku berbahasa Inggeris.